



Ciri Usahawan Kelas Pertama

USAHAWAN sering dikaitkan dengan aktiviti ekonomi. Seseorang usahawan bukan dilahirkan, tetapi mereka dibentuk melalui latihan, bimbingan dan pengalaman. Proses ini merangkumi segala bentuk keperluan sebagai usahawan. Latihan yang diberikan kebanyakannya lebih bermatlamatkan hasil pulangan dalam bentuk keuntungan semata-mata. Sedangkan latihan, bimbingan, dan penghayatan sebagai seorang usahawan kelas pertama mengikut acuan kita, seolah-olah dipinggirkan.

Bagaimanakah ciri usahawan yang hendak kita hasilkan? Persoalan ini boleh dijawab dengan meneliti semula dasar dan pelan strategik yang disediakan oleh beberapa agensi, antaranya termasuklah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia), Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). Pelbagai strategi diatur bagi melahirkan

usahawan dalam sektor yang berpotensi tinggi berasaskan kemahiran dan inovasi.

Walaupun apa-apa pun gelarannya, seperti usahawan, ahli perniagaan dan ahli korporat, yang penting ialah golongan ini melibatkan aktiviti muamalat sosial atau yang berkaitan dengan interaksi manusia. Sepanjang bergelar usahawan, cabaran yang diberikan perhatian termasuklah tenaga kerja, modal, persaingan, harga pasaran, kemahiran dan inovasi. Oleh itu, agensi terbabit sering meningkatkan tahap daya saing mereka agar dapat mengekalkan prestasi sepanjang masa dalam pelbagai situasi ekonomi.

Kita memerlukan penelitian semula bagi membentuk karakter usahawan kelas pertama dari aspek yang lain. Justifikasi keperluan ini berdasarkan dapatan kajian selidik suku tahunan SME Corp. Malaysia pada tahun 2015 yang merumuskan dua penemuan mengenai prestasi usahawan.

Peratusan responden yang menyatakan prestasi bertambah baik adalah lebih rendah berbanding dengan hasil kajian selidik PKS suku ketiga tahun 2014.

Keuntungan bergantung pada kebolehan, kemampuan, ketekunan, dan pengalamannya agar terus kekal dalam dunia keusahawanan.

1. Prestasi perniagaan responden adalah lebih perlahan pada suku pertama tahun 2015. Hal ini terbukti daripada persepsi responden dan angka jualan, pengeluaran, dan eksport bagi suku tahunan tersebut.

2. Peratusan responden yang menyatakan prestasi bertambah baik adalah lebih rendah berbanding dengan hasil kaji selidik PKS suku ketiga tahun 2014. Sebagai contoh, 39 peratus daripada responden berpendapat bahawa jumlah jualan meningkat pada suku pertama tahun 2015, iaitu peratusan ini adalah lebih rendah berbanding dengan 49 peratus yang dicatatkan pada suku ketiga tahun 2014.

Sementara itu, dari aspek prospek perniagaan jangka masa pendek, dapatan daripada kaji selidik tersebut menemukan tiga perkara.

1. Responden adalah kurang optimis berkenaan dengan prospek perniagaan jangka pendek untuk tempoh enam bulan akan datang.

2. Kira-kira satu pertiga (34 peratus) daripada responden menjangkakan prospek perniagaan mereka akan bertambah buruk, berbanding dengan hanya tujuh peratus sekitar setahun lalu.

3. Responden dalam sektor pembri perkhidmatan, dan pertanian menjangk prospek bertambah buruk, terutamanya kalangan perusahaan kecil dan sederhana bersaiz sederhana dan kecil.


Tiga dapatan yang merujuk prospek perniagaan harus diperbaiki dengan menilai semula dan memuncu responden kurang optimis dan jang keadaan perniagaan bertambah buruk. Malai sektor yang disebut iaitu pembinaan, perkhid dan pertanian yang semakin kurang membe impak kepada mereka memerlukan penyelesaian yang berkesan.

Potensi dan prospek daripada kaji se membuka persepsi baharu bahawa usaha memerlukan pendekatan baharu yang lebih ink merusi ciri sebenar usahawan kelas pert. Apakah elemen utama usahawan kelas pert yang mampu meningkatkan prestasi dan pro mereka? Sekurang-kurangnya terdapat dua utama, iaitu elemen kerohanian dan elel menyejahterakan masyarakat atau dikenali se pelangan.

Di Malaysia, INSKEN sebagai pu pembangunan usahawan menggalas tanggungja bagi memastikan keberkesanan inisiatif latihan pembangunan keusahawanan. Selain itu, INSI mempunyai peranan bagi melaksanakan prog dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangu dan latihan usahawan negara dengan kerjasa rapat agensi kerajaan yang lain, serta insti dan organisasi di dalam dan luar negara yang untuk merancang program baharu dan memar keberkesanan program berkaitan.

Setiap usahawan mengharapkan keuntun tidak kira sedikit atau banyak. Keuntun bergantung pada kebolehan, kemampu ketekunan, dan pengalamannya agar terus ke dalam dunia keusahawanan. Namun demiki banyak perkara yang perlu diperhatikan agar se dengan matlamat mencapai status negara m dan berpendapatan tinggi. Antaranya termasuk melahirkan usahawan kelas pertama mengi acuan Malaysia.

Melahirkan usahawan kelas perta memerlukan tindakan dan pengisian yang te agar mencapai hasrat negara yang bercinik nej baik (*baladatan toyyibatun*). Elemen fizikal, sepi latihan, kemahiran dan pembiayaan sebagai as



Rajah menunjukkan hasil kaji selidik suku tahunan SME Corp. Malaysia 2015.

Sumber: Kaji Selidik Suku Tahunan SME Corp. Malaysia.
<http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polis/>
 2015-12-21 09-21-16/ prestasi-pks-dan-outlook



Usahawan perlu membentuk diri mereka agar menjadi usahawan kelas pertama yang berkredibiliti.

polemik berterusan dengan alasan kenaikan harga minyak atau salah kerajaan semata-mata.

Apakah perbezaan modal insan daripada modal pusingan? Modal pusingan adalah dalam bentuk harta benda dan wang bersifat statik. Andainya kita melihat sesuatu itu berkembang, sebenarnya hal ini dikembangkan oleh manusia, bukan wang itu sendiri yang berkembang. Pemahaman yang jelas bagi memobilisasikan keuntungan tidak berpusatkan kekayaan individu akan mewujudkan persekitaran yang berdaya maju. Secara tidak langsung semua aktiviti berorientasikan perniagaan perlu dinilai semula, dan tidak hanya dalam bentuk pemusatan kekayaan pada satu

kelompok atau golongan tertentu sahaja. Sebaliknya lebih wajar

meletakkan sasaran bagaimana kekayaan atau pulangan itu diagihkan semula menerusi sistem percutiaan Islam yang berbentuk kewajipan fardu ain dan fardu kifayah.

Apakah bentuk transformasi ekonomi yang akan mengekalkan jati diri tetapi tidak memadamkan matlamat untuk mencapai status negara maju? Model ekonomi yang sesuai dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara maju ialah

model yang menjunjung tinggi nilai kebudayaan dan peradaban Malaysia, bukannya ekonomi ala Barat yang telah pun terbukti banyak kecacatannya, khususnya dari aspek kerohanian dan jati diri. Transformasi yang dimaksudkan adalah daripada

ekonomi yang berteraskan kebendaan atau kewangan diubah kepada ekonomi berteraskan nilai keinsanan. Unikinya, ekonomi keinsanan ini akan menyuburkan kekuatan dalam manusia dalam setiap gerak-geri yang dilakukan umpama sifat Rasulullah SAW, iaitu benar, amanah, menyampaikan dan bijaksana.

Mekanisme untuk menyuburkan model ekonomi keinsanan adalah menerusi sistem pendidikan yang memberi pendedahan penting dalam kehidupan manusia. Malaysia juga menyedari hakikat terhadap pentingnya melahirkan lebih banyak modal insan bertaraf dunia dari aspek perkhidmatan pendidikan. Pendidikan yang selari dengan usahawan perlu digubal agar dapat mencapai satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Golongan ini dijangkakan berpotensi menyumbangkan pencapaian negara berpendapatan tinggi.

Islam bukan sekadar sistem kepercayaan yang berasaskan tauhid. Islam sebenarnya suatu cara hidup yang merangkumi ekonomi, politik dan sosial. Pentingnya peningkatan taraf ekonomi kepada manusia tidak mengurangkan nilai keinsanan. Bentuk ekonomi berteraskan nilai keinsanan mampu merentas aspek kualiti hidup seperti yang terkandung dalam sistem ekonomi Islam. Ekonomi konvensional meskipun mencuba untuk menerima nilai Islam, tetapi tidak berada pada pengertian Islam yang sebenar bahkan menampakkan kecacatan dan menghilangkan kesyukuran Islam.

Sebagai rumusannya, negara memerlukan lebih banyak usahawan berkarakter kelas pertama yang mempromosikan dua elemen utama. Pertama, elemen kerohanian berbanding dengan elemen kebendaan. Kedua, elemen menyejahterakan masyarakat berbanding dengan elemen yang boleh mengugut keharmonian masyarakat. Melalui usahawan menerusi paradigma ekonomi yang berorientasikan nilai keinsanan harus menjadi keutamaan pada aktiviti sosial. Teras kepada nilai tersebut adalah pada niat dan tujuan, iaitu untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dalam setiap aktiviti ekonomi negara. Tidak dinafikan bahawa model ekonomi yang ada selama ini memberikan kesan signifikan bagi memacu pertumbuhan, namun ekonomi berasaskan nilai keinsanan lebih berupaya memahami maksud acuan sebenar ekonomi berpendapatan tinggi dan status negara maju. ●

keusahawanan, tidak boleh dipisahkan dengan elemen kerohanian. Hal ini dikatakan demikian kerana elemen kerohanian yang berpegang teguh pada sifat mulia, seperti amanah, keyakinan tinggi, melakukan kebajikan sosial, dan sentiasa mengutamakan kepentingan komuniti berbanding peribadi.

Pelan Hala Tuju Transformasi Kerajaan enam tahun yang lalu menegaskan bahawa aset negara yang paling berharga ialah modal insan yang berkualiti. Tujuannya supaya negara dapat mencapai tahap sebuah negara berpendapatan tinggi. Misi ini selari dengan status negara maju yang beracuan identiti tersendiri. Maksud "acuan sendiri" ialah pendekatan masyarakat majmuk yang berpegang teguh pada nilai agama, kejiwaan, tahap etika yang tinggi dan seterusnya memberikan impak kesejahteraan kepada masyarakat.

Selari dengan matlamat tersebut, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) menonjolkan tema Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat agar kita memahami modal insan yang akan menghasilkan pendapatan, kemajuan dan kehidupan sejahtera sentiasa berada pada landasan yang betul sebagai negara maju mengikut acuan sendiri. Mampukah kita membentuk usahawan berdasarkan kesesuaian budaya, bangsa dan keterampilan tempatan?

Usahawan kelas pertama menurut keperluan tempatan mempunyai tahap kepatuhan berlandaskan agama yang lebih baik berbanding usahawan yang berideologikan pemikiran Barat. Tan Sri Dato' Muhammad Ali ketika menyampaikan ucapan dalam sebuah konvensyen, menghuraikan ciri usahawan kelas pertama. Menurut beliau, usahawan bukan sekadar menjalankan aktiviti bagi menghasilkan keuntungan syarikat, malah usahawan sewajarnya mempunyai agenda bagi pembangunan ummah yang bersifat inklusif.

Terdapat tiga ciri utama untuk mencapai status usahawan kelas pertama mengikut acuan sendiri. Pertama, usahawari harus menjalankan aktiviti berpaksikan agama atau mengikut landasan syariah. Kedua, usahawan perlu bijak menajankan ekonomi melalui agihani semula kekayaan menerusi sistem zakat, wakaf dan sedekah. Ketiga, agihan kekayaan bertujuan memenuhi keperluan asas manusia yang meliputi tempat tinggal yang selesa, pakaian yang menutup aurat, kesihatan, pendidikan dan makanan yang baik.

Oleh itu, kriteria usahawan yang perlu dilahirkan harus mempunyai nilai keagamaan secara komprehensif dan sesuai dengan keperluan masyarakat tempatan. Masyarakat dibentuk melalui amalan budaya dan adat kepercayaan yang dikenali sebagai jati diri. Dalam konteks Malaysia, jaminan Perlembagaan Persekutuan berkenaan Islam sebagai agama persekutuan menyerahkan jati diri yang menjadi tunjang ajaran Islam, dan pada masa yang sama, agama lain boleh diamalkan menurut fahaman masing-masing. Oleh itu, hal ehwal pembangunan ekonomi di negara kita haruslah berupaya mengekalkan jati diri seperti yang telah diterima dalam dokumen undang-undang tertinggi negara sejak berdekad-dekad lamanya.

Ekonomi insan mungkin jenama baharu yang merujuk hal ehwal pembangunan ekonomi diurus, ditadbir, dan dibentuk oleh setiap insan dari dimensi yang lebih komprehensif, merangkumi aspek dalaman, kerohanian, atau jiwa yang berkualiti selaras dengan syariat Islam. Demografi penduduk di Semenanjung Malaysia mempunyai hubungan dengan cabaran usahawan kerana 94 peratus daripada pertumbuhan penduduk dijangkakan bertumpu di kawasan bandar bagi tempoh tahun 2000 hingga tahun 2020. Kesannya, segala keperluan masyarakat bandar semakin meningkat dan memerlukan lebih banyak usahawan untuk menyediakan bekalan dan perkhidmatan.

Peningkatan kependudukan di bandar mempunyai cabaran dari aspek kesejahteraan. Pelibatan komuniti setempat yang selari dengan konsep berjemaah dalam Islam menjadi teras untuk mencapai matlamat tadbir urus bandar pada masa ini yang hidup secara individu. Nilai masyarakat kampung perlu disegarkan semula dalam komuniti bandar yang saling mengenali antara satu sama lain dan "menjaga tepi kain" sebagai maksud kesejahteraan.

Oleh hal yang demikian, usahawan perlu menerapkan nilai tradisional kampung yang banyak membantu masyarakat mendapatkan keperluan asas dengan tidak mementingkan diri sendiri. Umpamanya, isu kenaikan harga tidak wajar menjadi

Usahawan perlu bijak menajankan ekonomi melalui agihan semula kekayaan menerusi sistem zakat, wakaf dan sedekah.

Hisham Ramli, ensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka.